Jumlah	**1 636 000**

(Sumber: Diubah suai daripada dosm.gov.my, 2026)

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Jadual di atas menunjukkan pengeluaran nanas di Johor dari tahun 2021 hingga 2025.

Jumlah pengeluaran nanas bagi tempoh tahun 2021 hingga 2025 ialah 1 636 000 tan metrik. Pengeluaran nanas tertinggi direkodkan pada tahun 2022, iaitu sebanyak 402 000 tan metrik, manakala pengeluaran terendah dicatatkan pada tahun 2021, iaitu sebanyak 263 000 tan metrik.

Pengeluaran nanas meningkat dengan ketara sebanyak 139 tan metrik daripada 263 000 tan metrik pada tahun 2021 kepada 402 000 tan metrik pada tahun 2022. Seterusnya, pengeluaran menurun kepada 344 000 tan metrik pada tahun 2023, sebelum meningkat sedikit kepada 347 000 tan metrik pada tahun 2024. Walau bagaimanapun, pengeluaran kembali menurun kepada 280 000 tan metrik pada tahun 2025.

Secara keseluruhannya, pengeluaran nanas di Johor menunjukkan trend yang berubah-ubah, dengan peningkatan dan penurunan pengeluaran sepanjang tempoh 2021 hingga 2025.

KBAT EKSTRA

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

12. Tafsirkan graf garisan mudah di bawah. **TP 4**

SP 1.1.5

KBAT Menganalisis

CETUS IDEA

KUIZ GAMIFIKASI



Graf garisan menunjukkan purata harga minyak mentah eksport Malaysia bagi tempoh 2020 hingga 2025.

Harga terendah dicatatkan pada tahun 2020, iaitu AS$40 setong, manakala harga tertinggi direkodkan pada tahun 2022, iaitu AS$100 setong.

Harga minyak mentah meningkat dengan ketara daripada AS$40 setong pada tahun 2020 kepada AS$70 setong pada tahun 2021, sebelum terus meningkat kepada AS$100 setong pada tahun 2022. Peningkatan ini mungkin disebabkan oleh pertambahan permintaan minyak mentah di pasaran dunia serta pemulihan aktiviti ekonomi selepas pandemik COVID-19.

Walau bagaimanapun, harga menurun kepada AS$80 setong pada tahun 2023, berkemungkinan akibat peningkatan bekalan minyak mentah atau kelembapan ekonomi global yang mengurangkan permintaan. Pada tahun 2024, harga meningkat sedikit kepada AS$85 setong, tetapi kembali menurun kepada AS$70 setong pada tahun 2025.

Secara keseluruhannya, purata harga minyak mentah eksport Malaysia mengalami peningkatan dan penurunan sepanjang tempoh tersebut, menunjukkan bahawa harga minyak mentah dipengaruhi oleh perubahan permintaan dan penawaran di pasaran dunia.

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Aktiviti

PAK-21 KBAT Mencipta / Mengaplikasi TP 5 TP 6

Tajuk: Mengumpul maklumat, membina jadual dan graf

Langkah-langkah:

1. Bahagikan kelas kepada beberapa kumpulan kecil.
2. Setiap kumpulan akan memilih salah satu tajuk di bawah:
   (a) Sukan kegemaran (b) Hobi pada masa lapang
3. Berdasarkan tajuk yang dipilih, kumpul maklumat yang berkaitan dalam kalangan murid-murid tingkatan 3 di sekolah anda.
4. Maklumat yang dikumpul perlu diringkaskan dalam bentuk jadual.
5. Bina graf yang sesuai berdasarkan jadual yang telah dihasilkan.
6. Setiap kumpulan akan mentafsir graf yang dibina serta dibentangkan di hadapan guru dan rakan sekelas.
7. Guru dan rakan sekelas akan menilai hasil kerja setiap kumpulan.
8. Tampalkan graf yang dilukis di bawah.

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

PRAKTIS REFLEKSI

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Praktis Masteri 1

ePT PRAKTIS EKSTRA

Bahagian B

1. Maklumat berikut menunjukkan data jumlah penduduk Malaysia bagi tempoh tahun 2000 hingga 2025.



(Sumber: Diubah suai daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, 2026)

(a) Berdasarkan data tersebut, bina jadual yang lengkap.

Buku Teks ms. 5

Jumlah penduduk Malaysia, 2000 – 2025

Tahun	Jumlah penduduk (juta orang)
2000	23.3
2005	25.8
2010	28.1
2015	30.3
2020	32.4
2025	35.0
Jumlah	**174.9**

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

(Sumber: Diubah suai daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, 2026)

Aras R Menganalisis [6 *markah*]

(b) Berdasarkan jadual yang dibina, lukiskan graf bar mudah untuk menunjukkan jumlah penduduk Malaysia. Gunakan skala 1 cm mewakili 5 juta orang.

Buku Teks ms. 10

Aras T Mengaplikasi [8 *markah*]

(c) Tafsirkan graf bar tersebut.

Buku Teks ms. 14

Graf menunjukkan jumlah penduduk Malaysia bagi tempoh 2000 hingga 2025. Jumlah penduduk terendah direkodkan pada tahun 2000, iaitu 23.3 juta orang, manakala jumlah penduduk tertinggi dicatatkan pada tahun 2025, iaitu 35 juta orang. Bilangan penduduk meningkat secara konsisten daripada 23.3 juta orang pada tahun 2000 kepada 25.8 juta orang pada tahun 2005, 28.1 juta orang pada tahun 2010, 30.3 juta orang pada tahun 2015, 32.4 juta orang pada tahun 2020 dan akhirnya 35 juta orang pada tahun 2025. Peningkatan ini mungkin disebabkan oleh kadar kelahiran yang lebih tinggi daripada kadar kematian. Secara keseluruhannya, graf menunjukkan pertumbuhan penduduk Malaysia yang berterusan sepanjang tempoh tersebut.

Aras S Menganalisis [6 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Jumlah penduduk Malaysia, 2000 - 2025



Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Bab 4

Tumbuh-tumbuhan Semula Jadi di Malaysia

NOTA PECUT

P+ POWERPOINT

4.1 Jenis dan Taburan Tumbuh-tumbuhan Semula Jadi di Malaysia

Hutan Hujan Tropika

1. Tumbuh subur di kawasan yang mempunyai ketinggian kurang daripada 1 000 meter.
2. Hutan ini meliputi kaki bukit atau cerun gunung di bahagian tengah Semenanjung Malaysia dan pedalaman Sabah dan Sarawak.
3. Pokok-pokoknya **malar hijau**.
4. Mempunyai pelbagai jenis kayu keras seperti meranti, cengal, merbau, balau dan seraya.
5. Terdapat **empat lapisan** yang nyata:
   - Lapisan **renjong** atau emergen terdiri daripada pokok-pokok yang tumbuh tinggi untuk mendapatkan sinaran matahari. Pokok-pokok ini mempunyai akar banir.
   - Lapisan **kanopi** terdiri daripada pokok-pokok yang mempunyai ketinggian di antara 20 hingga 40 meter. Pokok-pokok di lapisan ini tumbuh rapat dan membentuk kanopi yang tebal yang menghalang cahaya matahari daripada sampai ke lantai hutan.
   - Lapisan **tengah** terdiri daripada pokok-pokok yang sederhana padat. Tumbuh-tumbuhan yang biasa terdapat di lapisan ini ialah epifit dan parasit.
   - Lapisan bawah atau **lantai hutan** terdiri daripada tumbuh-tumbuhan seperti cendawan, pokok renek, semak samun dan pokok herba kecil.

Hutan Paya Air Masin

1. Terdapat di kawasan pinggir pantai laut yang **berlumpur**, terlindung daripada pukulan ombak dan sering mengalami air pasang dan surut.
2. Mempunyai **akar ceracak** di dalam lumpur untuk membantu proses pernafasan dan **akar jangkang** untuk menyokong pokok daripada tumbang.
3. Jenis tumbuh-tumbuhan: Pokok bakau, gedabu, perepat, bakau api-api, tumu merah, pokok nibung
4. Hutan ini terdapat di sekitar muara Sungai Perak, kawasan pinggir laut Johor, sekitar muara Sungai Rajang serta kawasan pantai timur Sabah.

Hutan Paya Air Tawar

1. Terdapat di kawasan pedalaman yang **bersaliran buruk**, bertanih gambut dan bertakung air.
2. Pokok tumbuh tinggi, lurus dan berbatang besar.
3. Jenis tumbuh-tumbuhan: Mengkuang, mersawa paya, kempas, ramin dan meranti paya
4. Hutan ini terdapat di sekitar Tasik Chini dan Tasik Bera (Pahang), kawasan Delta Rajang (Sarawak) dan kawasan Sabak Bernam (Selangor).

Hutan Pantai

1. Tumbuh di kawasan **pinggir laut**, **berpasir**, bersaliran baik dan terdedah kepada tiupan angin dari laut.
2. Pokok-pokok yang biasa tumbuh di kawasan ini ialah pokok ru, pokok kelapa, mengkuang laut, pokok renek, tapak kuda, rumput lari-lari, ketapang, kelat jambu air, bebaru, jemerlang laut, bintangor laut dan semak samun.
3. Tumbuh-tumbuhan semula jadinya berbeza mengikut jarak dari laut.
4. Hutan ini terdapat di kawasan berpasir seperti di Pantai Tanjung Rhu (Pulau Langkawi), Pulau Talang-talang (Sarawak) dan Pulau Sipadan (Sabah).

Hutan Gunung

1. Terdapat di kawasan yang ketinggiannya melebihi 1 200 meter dari aras laut.
2. Jenis tumbuh-tumbuhan berbeza mengikut ketinggian:
   - Ketinggian 1 200 – 1 800 meter: Terdapat hutan montane bawah
   - Ketinggian 1 800 – 2 900 meter: Terdapat hutan montane atas
   - Ketinggian 2 900 – 3 500 meter: Tumbuhan hampir alpain, iaitu pokok kerdil dan rumput, pokok renek konifer dan periuk kera
   - Ketinggian melebihi 3 500 meter: Pokok renek, paku pakis, lumut

4.2 Faktor-faktor yang Mempengaruhi Tumbuh-tumbuhan Semula Jadi di Malaysia

1. Hutan Hujan Tropika:
   (a) Kawasan **kaki bukit** dan cerun-cerun gunung yang mempunyai ketinggian kurang daripada 1 200 meter dari aras laut
   (b) **Iklim Khatulistiwa** yang panas dan lembap sepanjang tahun dengan min suhu tahunan 27°C dan hujan tahunan sekitar 2 600 mm
   (c) Tanih laterit dan tanih aluvium

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(d) Kawasan bersaliran baik

2. Hutan Paya Air Masin:
   (a) Kawasan rendah di pinggir laut yang terlindung atau **muara sungai** yang terdedah kepada air pasang
   (b) Suhu 27°C dan hujan sekitar 2 600 mm
   (c) Tanih gambut dan tanih aluvium
   (d) Berpaya dan sentiasa **menakung air**
3. Hutan Paya Air Tawar:
   (a) Kawasan **pedalaman** yang rendah, terutamanya di sekitar tasik
   (b) Suhu 27°C dan hujan sekitar 2 600 mm
   (c) Tanih gambut dan tanih aluvium
   (d) **Saliran buruk** dan bertakung air
4. Hutan Pantai:
   (a) Kawasan **pinggir laut**
   (b) Beriklim panas dan lembap sepanjang tahun, suhu 27°C dan hujan sekitar 2 600 mm
   (c) Tanih berpasir
   (d) Bersaliran baik
5. Hutan Gunung:
   (a) Kawasan **tanah tinggi** melebihi 1 200 meter dari aras laut
   (b) Kadar perubahan suhu, iaitu 1°C bagi setiap kenaikan ketinggian 165 meter
   (c) Tanih laterit
   (d) Bersaliran baik

4.3 Kepentingan Tumbuh-tumbuhan Semula Jadi di Malaysia

1. Keseimbangan ekosistem:
   (a) Proses **interaksi** antara benda hidup dengan benda bukan hidup yang wujud dalam alam
   (b) Fotosintesis oleh tumbuhan hijau penting dalam mengekalkan keseimbangan gas oksigen, karbon dioksida dan nitrogen dalam udara
2. Sumber bahan mentah:
   (a) Menghasilkan **kayu balak** bermutu tinggi dan bernilai seperti meranti, cengal, seraya, balau, jelutung
   (b) Buluh, rotan, daun mengkuang, daun nipah digunakan untuk menghasilkan perabot dan kraf tangan
3. Habitat hidupan liar:
   (a) Hutan dijadikan habitat, tempat **membiak** serta tempat **perlindungan** dan sumber makanan
   (b) Haiwan daripada kumpulan mamalia, amfibia, reptilia dan burung tinggal di hutan kerana terdapat daun, pucuk, putik bunga, buah, bijian dan haiwan lain sebagai sumber makanan
4. Kawasan tadahan hujan:
   (a) Hutan berfungsi seperti **span berongga**, menyerap air hujan dan mengalirkannya perlahan-lahan ke dalam sungai
   (b) Bertindak sebagai **penapis** dalam menentukan kebersihan dan kejernihan air
5. Pencegah hakisan tanah:
   (a) Hutan merupakan **penutup bumi** semula jadi
   (b) Daun dan ranting dapat mengurangkan had laju titisan air hujan dan memecahkan kepada saiz yang lebih kecil
   (c) Akar pokok **menyekat** air larian permukaan serta berfungsi untuk mengikat dengan cara **mencengkam tanah**
6. Sumber perubatan:
   (a) Bahagian akar, batang, daun, pucuk dan ubi mempunyai khasiat perubatan
   (b) Contohnya:
      - Petai – buah pinggang, kencing manis
      - Periuk kera – demam
      - Bunga raya – batuk dan kahak
      - Tongkat ali – malaria dan darah tinggi

4.4 Kesan Kegiatan Manusia terhadap Tumbuh-tumbuhan Semula Jadi di Malaysia

Kesan Positif

1. Penghutanan semula
   Kawasan hutan yang telah ditebang **ditanam semula** dengan pokok-pokok yang bermutu, tahan serangan penyakit dan serangga serta tumbesar yang cepat.
2. Pewartaan taman negara dan hutan simpan
   Tumbuh-tumbuhan semula jadi di taman negara dijaga dengan baik bagi **mengekalkan biodiversiti** alam sekitar.

Kesan Negatif

1. **Kepupusan** flora dan fauna
   Penerokaan sumber hutan menyebabkan flora dan fauna terancam kerana **kehilangan habitat** untuk membiak dan kekurangan sumber makanan.
2. **Ketandusan tanih**
   Penebangan hutan menyebabkan proses pembentukan humus dan penguraian terhenti.
3. **Pencemaran**
   Penebangan hutan di hulu sungai pula menyebabkan berlakunya **pencemaran sungai**. Apabila hutan ditebang, air hujan akan menghakis tanah yang terdedah. Bahan yang terhakis ini akan dibawa ke sungai lalu termendap di dasar sungai. Akhirnya, air sungai menjadi **keruh** dan berkelodak.

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Buku Teks ms. 32

4.1 Jenis dan Taburan Tumbuh-tumbuhan Semula Jadi di Malaysia

1. Berdasarkan foto di bawah, nyatakan jenis tumbuh-tumbuhan semula jadi tersebut. TP 1

SP 2.2.1

(a)



Hutan Hujan Tropika

(b)



Hutan Paya Air Masin

(c)



Hutan Paya Air Tawar

(d)



Hutan Pantai

(e)



Hutan Gunung

NOTA eP+

© Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

PETA

2. Teliti kawasan berlorek di bawah dan namakan jenis dan taburan tumbuh-tumbuhan semula jadi tersebut.

SP 2.2.1 TP 2



Jenis: Hutan Pantai

Taburan:
- Pinggir laut Kelantan
- Pinggir laut Terengganu

Jenis: Hutan Gunung

Taburan:
- Gunung Kinabalu
- Gunung Murud

Jenis: Hutan Paya Air Tawar

Taburan:
- Tasik Chini
- Tasik Bera

Jenis: Hutan Hujan Tropika

Taburan:
- Kaki Banjaran Titiwangsa
- Pedalaman Sarawak

Jenis: Hutan Paya Air Masin

Taburan:
- Matang
- Pantai Samarahan - Sadong

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

3. Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul. TP 2

(a) **Hutan Hujan Tropika**

(i) Mempunyai empat lapisan yang nyata, iaitu lantai hutan, tengah hutan, silara / kanopi dan renjong.

(ii) Renjong adalah lapisan paling atas dan pokok tumbuh tinggi untuk mendapatkan cahaya matahari.

(iii) Lantai hutan merupakan lapisan paling bawah. Tumbuh-tumbuhan jarang kerana kurang mendapat cahaya matahari.

(iv) Pokok-pokok malar hijau dan berdaun lebar. Hujung daun berbentuk tirus untuk mengalirkan air hujan.

(v) Pokok-pokok yang besar dan tinggi mempunyai akar banir yang menyokong pokok daripada tumbang

TUTORIAL

Hutan Pantai

(b) **Hutan Pantai**

(i) Tumbuh di kawasan pantai berpasir. Spesies pokok di Hutan Pantai tahan dengan angin yang kuat dan air laut yang masin.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(ii) Tumbuh-tumbuhan berbeza mengikut jarak dari laut. Pokok tapak kuda tumbuh paling dekat dengan laut diikuti dengan pokok ru, pokok renek dan mengkuang laut. Pokok kelapa tumbuh paling jauh dari laut.

(c) **Hutan Paya Air Tawar**

(i) Tumbuh di kawasan tanah pamah yang bersaliran buruk.

(ii) Mempunyai tiga lapisan, iaitu lapisan pokok renek, tengah dan kanopi / silara.

(iii) Tumbuh-tumbuhan jarang di lapisan pokok renek kerana kurang cahaya matahari dan ditenggelami air ketika musim hujan.

(iv) Pokok di lapisan kanopi berkayu keras dan tinggi.

(v) Akar udara dan akar pneumatofor berfungsi untuk menyerap udara. Akar yang menyokong pokok ialah akar banir dan akar jangkang.

(d) **Hutan Paya Air Masin**

(i) Tumbuh di kawasan pinggir laut yang bersaliran buruk dan ditenggelami air ketika air pasang.

(ii) Tumbuhan-tumbuhan berbeza mengikut jarak dari laut. Pokok bakau tumbuh paling hampir dengan laut diikuti pokok nipah, paku pakis laut dan paling jauh dari laut ialah pokok nibung.

(iii) Akar ceracak berfungsi untuk bernafas ketika ditenggelami air manakala akar jangkang berfungsi untuk menyokong pokok daripada tumbang.

(iv) Akar ceracak keluar menegak dari tanah lumpur manakala akar jangkang tumbuh di bahagian pangkal batang.

(e) **Hutan Gunung**

(i) Tumbuh pada ketinggian melebihi 1 200 meter dari aras laut.

(ii) Tumbuhan-tumbuhan semula jadi berbeza mengikut ketinggian dan beradaptasi dengan suhu dan kesuburan tanih.

(iii) Tumbuhan-tumbuhan semakin jarang apabila ketinggian meningkat.

(iv) Profil tumbuhan-tumbuhan adalah seperti berikut:

- 1 200 meter hingga 1 800 meter – Hutan montane bawah
- 1 800 meter hingga 2 900 meter – Hutan montane atas
- 2 900 meter hingga 3 500 meter – Tumbuhan hampir alpain
- Melebihi 3 500 meter – Tumbuhan alpain

CETUS IDEA

KUIZ GAMIFIKASI

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Buku Teks ms. 61 – 64

4.2 Faktor-faktor yang Mempengaruhi Tumbuh-tumbuhan Semula Jadi di Malaysia

4. Lengkapkan maklumat berikut tentang faktor-faktor yang mempengaruhi tumbuh-tumbuhan semula jadi di Malaysia. SP 2.2.2 TP 3

(a) Hutan Hujan Tropika

- Kawasan tanah pamah dan kaki bukit di bawah 180 meter dari aras laut.
- Purata suhu yang tinggi, iaitu 27°C dan jumlah hujan yang banyak kira-kira 2 600 mm setahun.
- Bersaliran baik.
- Tanih aluvium dan laterit.

(b) Hutan Paya Air Masin

- Kawasan pinggir laut yang terlindung dan muara sungai berlumpur.
- Purata suhu tahunan 27°C dan jumlah hujan yang banyak kira-kira 2 600 mm setahun.
- Bersaliran buruk.
- Tanih gambut dan aluvium.

(c) Hutan Paya Air Tawar

- Kawasan tanah pamah yang sering ditenggelami air.
- Purata suhu tahunan 27°C dan jumlah hujan yang banyak kira-kira 2 600 mm setahun.
- Bersaliran buruk.
- Tanih gambut dan aluvium.

(d) Hutan Pantai

- Kawasan berpasir dan berlumpur.
- Iklim Khatulistiwa yang panas dan lembap sepanjang tahun.
- Bersaliran baik.
- Tanah berpasir.

(e) Hutan Gunung

- Kawasan tanah tinggi yang melebihi 1 200 meter dari aras laut.
- Suhu kira-kira 18°C.
- Bersaliran baik.
- Tanah laterit.

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Buku Teks ms. 65 – 68

4.3 Kepentingan Tumbuh-tumbuhan Semula Jadi di Malaysia

5. Jelaskan kepentingan tumbuh-tumbuhan semula jadi di Malaysia. TP 4

SP 2.2.3

(a) Sumber bahan mentah

(i) Kayu bakau dijadikan bahan api dan bahan binaan.

(ii) Rotan dan buluh digunakan dalam industri pembuatan kraf tangan dan perabot.

(b) Sumber perubatan

(i) Bahagian tumbuh-tumbuhan seperti akar, batang, daun, ranting dan bunga mempunyai nilai perubatan yang tinggi.

(c) Kawasan tadahan hujan

(i) Hutan bertindak sebagai span berongga yang akan menyerap air hujan dan mengalirkannya ke sungai, empangan, kolam dan tasik.

(ii) Air hujan yang diserap ke dalam tanah ditapis secara semula jadi dan menjadi air yang bersih.

(d) Keseimbangan ekosistem

(i) Tumbuh-tumbuhan berinteraksi dengan komponen biotik dan abiotik untuk mewujudkan persekitaran yang seimbang.

(e) Habitat flora dan fauna

(i) Hutan bertindak sebagai habitat bagi flora dan fauna.

(ii) Hidupan liar menjadikan hutan sebagai tempat perlindungan dan sumber makanan.

CETUS IDEA

INFO

Tumbuhan Ubatan

KBAT EKSTRA

PRAKTIS REFLEKSI

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

Aktiviti

PAK-21 KBAT Menganalisis TP 6

Tajuk: Potensi tumbuh-tumbuhan semula jadi di Malaysia

Langkah-langkah:

1. Bahagikan kelas kepada beberapa kumpulan kecil.
2. Setiap kumpulan perlu mengenal pasti satu spesies tumbuh-tumbuhan semula jadi di Malaysia yang mempunyai potensi atau keistimewaan tertentu.
3. Cari maklumat yang diperlukan menggunakan aplikasi AI, laman sesawang dan rujukan kepustakaan.
4. Bentangkan hasil dapatan dalam bentuk laporan. Sertakan juga foto spesies tumbuhan yang dipilih.
5. Guru akan menilai hasil kerja setiap kumpulan.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Buku Teks ms. 69 – 72

4.4 Kesan Kegiatan Manusia terhadap Tumbuh-tumbuhan Semula Jadi di Malaysia

6. Nyatakan kesan kegiatan manusia terhadap tumbuh-tumbuhan semula jadi di Malaysia.

SP 2.2.4

Kesan positif	Kesan negatif
• Pembangunan hutan	• Ketidakseimbangan ekosistem
• Penghutanan semula	• Kawasan tadahan hujan terganggu
• Taman negara	• Kepupusan flora dan fauna

7. Secara berpasangan, bincangkan kegiatan manusia yang mengancam tumbuh-tumbuhan semula jadi di Malaysia. Kemudian, lengkapkan rajah di bawah. TP 5

SP 2.2.4

KBAT Menganalisis

Kegiatan manusia	Kesan
Kegiatan pembalakan	Mendedahkan permukaan bumi kepada hakisan air hujan, menyebabkan air hujan jatuh dengan laju ke permukaan bumi dan meningkatkan kadar hakisan.
Penyahhutanan secara besar-besar untuk kegiatan pertanian	Kestabilan ekosistem terganggu dan berlaku ketidakseimbangan dalam siratan makanan, berlaku kejadian banjir lumpur dan tanah runtuh.
Penerokaan hutan secara tidak terancang di kawasan tanah tinggi	Menyebabkan kawasan tadahan hujan terganggu sehingga empangan menjadi cetek kerana kelodak lumpur masuk ke dalam empangan.
Penebangan hutan untuk dijadikan kawasan petempatan	Flora dan fauna kehilangan habitat dan kekurangan sumber makanan sehingga mengalami kepupusan.

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

Tahap Penguasaan Bab 4 TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Praktis Masteri 4

Bahagian A

1. Maklumat berikut berkaitan dengan lokasi sejenis tumbuh-tumbuhan semula jadi.

Buku Teks ms. 54

- Muara Sungai Perak
- Tanjung Piai, Johor

Apakah jenis tumbuh-tumbuhan semula jadi tersebut?

A Hutan Pantai
B Hutan Hujan Tropika
C Hutan Paya Air Tawar
D Hutan Paya Air Masin

Aras R Mengingat

2. Apakah ciri tumbuhan yang terdapat di lapisan renjong Hutan Hujan Tropika?

Buku Teks ms. 56

A Pokok bersaiz kecil dan sederhana
B Tumbuh-tumbuhan tumbuh jarang
C Pokok berkayu keras dan tumbuh tinggi
D Ketinggian pokok kurang daripada 10 meter

Aras R Mengingat

3. Apakah fungsi akar ceracak pada pokok bakau?

Buku Teks ms. 59

A Untuk pernafasan
B Memakan bahan reput
C Menyerap air ketika air pasang
D Menyokong pokok daripada tumbang

Aras R Memahami

4. Antara berikut, pasangan yang manakah betul tentang jenis tanih dan tumbuh-tumbuhan semula jadi?

Buku Teks ms. 64

	Jenis tanih	Tumbuh-tumbuhan semula jadi
I	Tanih pasir	Hutan Pantai
II	Tanih gambut	Hutan Gunung
III	Tanih laterit	Hutan Paya Air Tawar
IV	Tanih aluvium	Hutan Hujan Tropika

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Aras R Mengingat

5. Apakah spesies tumbuh-tumbuhan semula jadi yang terdapat di hutan montane atas?

Buku Teks ms. 60

I Gelam gunung
II Periuk kera
III Pokok *oak*
IV Orkid

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Aras S Mengingat

6. Apakah faktor iklim yang mempengaruhi tumbuh-tumbuhan semula jadi di Malaysia?

Buku Teks ms. 63

A Musim kering yang nyata
B Jumlah hujan tahunan 500 mm
C Panas dan lembap sepanjang tahun
D Kurang penerimaan pancaran matahari

Aras R Memahami

7. Bagaimanakah tumbuh-tumbuhan semula jadi mengekalkan keseimbangan ekosistem?

Buku Teks ms. 66

A Tumbuh-tumbuhan menyerap air hujan
B Membekalkan oksigen kepada hidupan liar
C Akar tumbuh-tumbuhan mencengkam tanih
D Saling berinteraksi dengan komponen biotik dan abiotik

Aras S Menilai

8. Antara berikut, yang manakah kepentingan tumbuh-tumbuhan semula jadi di Malaysia?

Buku Teks ms. 66–68

A Meneroka hutan simpan
B Memburu hidupan liar
C Membekalkan bahan mentah
D Ketidakseimbangan ekosistem

Aras R Menilai

9. Antara berikut, yang manakah kegunaan buluh dan rotan?

Buku Teks ms. 68

I Perabot
II Cerucuk
III Bahan api
IV Kraf tangan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Aras R Mengingat

10. Bagaimanakah hidupan liar di Malaysia diancam kepupusan akibat penerokaan hutan yang tidak terancang?

Buku Teks ms. 72

I Kehilangan habitat
II Sungai menjadi cetek
III Meningkatkan kadar hakisan
IV Kekurangan sumber makanan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Aras S Menilai

eP+ PRAKTIS EKSTRA

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

Bahagian B

1. Foto berikut menunjukkan sejenis tumbuh-tumbuhan semula jadi di Malaysia.



(a) Berikan faktor iklim yang mempengaruhi tumbuh-tumbuhan tersebut.

Buku Teks ms. 63

(i) Purata suhu tahunan yang tinggi, iaitu 27°C.

(ii) Hujan tahunan kira-kira 2 600 mm.

Aras S Menganalisis [2 *markah*]

(b) Jelaskan pengaruh bentuk muka bumi terhadap kepelbagaian tumbuh-tumbuhan semula jadi di Malaysia.

Buku Teks ms. 61–62

Hutan Hujan Tropika tumbuh di kawasan tanah pamah dan kaki bukit yang bersaliran baik.

Kawasan berpasir dan berlumpur ditumbuhi Hutan Pantai.

Kawasan pinggir laut yang terlindung dan muara sungai berlumpur ditumbuhi Hutan Paya Air Masin.

Kawasan tanah tinggi melebihi 1 200 meter dari aras laut terdiri daripada pokok-pokok yang bersaiz kecil.

Aras S Menganalisis [3 *markah*]

(c) Terangkan kepentingan tumbuh-tumbuhan semula jadi di Malaysia.

Buku Teks ms. 66–68

Tumbuh-tumbuhan semula jadi di Malaysia berfungsi sebagai habitat utama bagi pelbagai spesies flora dan fauna. Selain menjadi tempat tinggal, tumbuh-tumbuhan memainkan peranan dalam mengekalkan keseimbangan ekosistem. Pokok-pokok menyerap karbon dioksida dan membebaskan oksigen melalui fotosintesis. Tumbuh-tumbuhan semula jadi juga merupakan sumber bahan mentah yang penting untuk pelbagai industri. Contohnya, kayu daripada pokok meranti digunakan dalam industri perabot dan pembinaan.

Aras S Menilai [3 *markah*]

(d) Aktiviti manusia telah mengancam tumbuh-tumbuhan semula jadi di Malaysia.

Buku Teks ms. 71–72

Terangkan kesan negatif aktiviti manusia terhadap tumbuh-tumbuhan semula jadi di Malaysia.

Kestabilan ekosistem hutan terganggu akibat berlakunya penyahhutanan untuk pembukaan kawasan ladang.

Tumbuh-tumbuhan diancam kepupusan kerana kehilangan habitat akibat penerokaan hutan.

Aras S Menganalisis [2 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

2. Foto berikut menunjukkan aktiviti manusia yang memberi kesan terhadap tumbuh-tumbuhan semula jadi di Malaysia.



(a) Berikan kesan terhadap tumbuh-tumbuhan semula jadi akibat aktiviti dalam foto tersebut.

Buku Teks ms. 71–72

(i) Kestabilan ekosistem hutan terganggu akibat berlakunya penyahhutanan.

(ii) Menyebabkan flora dan fauna kehilangan habitat dan kekurangan sumber makanan.

(iii) Mendedahkan permukaan bumi kepada hakisan air hujan dan tanah runtuh.

Aras S Menilai [3 *markah*]

(b) Pada pendapat anda, mengapakah aktiviti dalam foto tersebut dijalankan?

Aktiviti penyahhutanan dijalankan untuk pertanian, termasuk tanaman komersial seperti kelapa sawit. Peningkatan permintaan untuk produk kayu seperti perabot dan kertas mendorong aktiviti pembalakan. Pembinaan jalan, bangunan, dan kawasan perumahan memerlukan kawasan yang luas yang sering kali diperoleh dengan menebang hutan.

Aras T Menilai [3 *markah*]

(c) Sebagai seorang ahli geografi, cadangkan langkah yang boleh diambil untuk mengawal aktiviti berikut.

Meningkatkan kesedaran dan menggalakkan pembangunan produk dan perkhidmatan berasaskan hutan bukan kayu seperti madu, herba, rotan dan ekopelancongan, yang boleh menjana pendapatan tanpa menebang pokok. Melaksanakan program pendidikan alam sekitar yang komprehensif di semua peringkat, dari sekolah hingga komuniti untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan hutan dan kesan buruk penyahhutanan.

Aras T Mencipta [4 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Bahagian C

1. Petikan berikut tentang hutan di Malaysia.

> Hutan hujan Malaysia mengandungi pelbagai jenis tumbuhan dan hidupan haiwan, termasuk kira-kira 200 spesies mamalia (seperti harimau Malaya yang jarang ditemui, gajah Asia, badak sumbu Sumatera, tapir Malaya, seladang dan harimau dahan), lebih 600 spesies burung dan 15 000 tumbuhan. Tiga puluh lima peratus daripada spesies tumbuhan ini tidak ditemui di tempat lain di planet ini.

(Sumber: consumer.org.my, 21 Mac 2025)

(a) Terangkan kepentingan tumbuh-tumbuhan semula jadi di Malaysia terhadap pembangunan negara.

Buku Teks ms. 66–68

Tumbuh-tumbuhan semula jadi penting sebagai bahan mentah untuk pelbagai industri. Contohnya, kayu balak digunakan dalam industri membuat perabot, manakala buluh dan rotan digunakan dalam industri pembuatan kraf tangan yang menjana pendapatan kepada negara. Kayu balak seperti cengal, balau dan meranti dieksport ke India, Indonesia, Vietnam dan lain-lain negara. Hasil eksport kayu balak memberikan sumber pendapatan kepada negara. Hasil pendapatan ini boleh digunakan untuk membangunkan kemudahan infrastruktur negara.

Aras T Menganalisis [4 *markah*]

(b) Bincangkan langkah yang boleh diambil untuk mengekalkan tumbuh-tumbuhan semula jadi di Malaysia agar tidak diancam kepupusan.

Kerajaan perlu menguatkuasakan undang-undang untuk pembalakan seperti mengehadkan pengeluaran lesen dan juga keluasan kawasan pembalakan. Kerajaan juga perlu membuka ladang-ladang hutan yang ditanam dengan jati, sentang dan akasia bagi membekalkan kayu keras. Hal ini akan mengurangkan penerokaan ke atas tumbuh-tumbuhan semula jadi. Pewartaan taman negara dan hutan simpan kekal dapat mengekalkan tumbuh-tumbuhan semula jadi. Kawasan tersebut bebas daripada sebarang bentuk penerokaan dan spesies tumbuh-tumbuhan semula jadi di situ kekal selama-lamanya.

Aras T Mencipta [6 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

2. Maklumat berikut tentang kemusnahan hutan di Semenanjung Malaysia.

> Pendedahan RimbaWatch mendakwa sekurang-kurangnya 72 584.73 hektar hutan di Semenanjung Malaysia, atau hampir seluas Singapura dimusnahkan dalam masa terdekat.

(Sumber: AstroAWANI, 2022)

(a) Jelaskan faktor yang menyebabkan kemusnahan tumbuh-tumbuhan semula jadi di Semenanjung Malaysia.

Kemusnahan tumbuh-tumbuhan semula jadi di Malaysia disebabkan oleh beberapa faktor utama. Pertama, pembalakan secara tidak terkawal dijalankan untuk mendapatkan kayu balak bagi tujuan komersial. Kedua, pembukaan kawasan pertanian secara besar-besaran menyebabkan banyak hutan diteroka untuk dijadikan ladang kelapa sawit dan getah. Selain itu, proses perbandaran yang pesat telah menyebabkan banyak kawasan hutan diteroka bagi pembangunan infrastruktur seperti jalan raya dan perumahan.

Aras T Menganalisis [5 *markah*]

(b) Terangkan kesan kegiatan manusia terhadap tumbuh-tumbuhan semula jadi.

Buku Teks ms. 71–72

Salah satu kesan utama ialah kepupusan spesies tumbuh-tumbuhan tertentu yang unik dan bernilai tinggi. Contohnya, periuk kera, pokok cengal dan meranti. Selain itu, gangguan terhadap ekosistem hutan turut berlaku apabila kawasan hijau dimusnahkan sekali gus menjejaskan habitat hidupan liar. Tambahan pula, penebangan hutan secara besar-besaran menyebabkan peningkatan suhu dan perubahan iklim mikro di kawasan tersebut. Keadaan ini juga mengakibatkan hakisan tanah dan kejadian tanah runtuh, terutamanya di kawasan cerun yang telah gondol.

(Terima jawapan murid yang munasabah untuk Bahagian B dan Bahagian C)

Aras T Menilai [5 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Ujian Pertengahan Sesi Akademik

UPSA

Masa: Dua jam

SKOR /80

Bahagian A
[20 *markah*]
Jawab **semua** *soalan.*

1. Iklim yang manakah paling sesuai untuk pertumbuhan pokok *dahurian larch*?
A Iklim Siberia
B Iklim Laurentia
C Iklim Gurun Panas
D Iklim Monsun Tropika

2. Maklumat berikut menunjukkan hidupan liar di suatu kawasan.

- *Chipmunk*
- *Canadian goose*

Hidupan liar tersebut terdapat di kawasan beriklim
A Siberia
B Laurentia
C Gurun Panas
D Monsun Tropika

3. Pilih kombinasi yang betul tentang habitat hidupan liar.

	Habitat	Hidupan liar
A	Pantai berpasir	Penyu
B	Hutan gunung	Tapir
C	Padang rumput	Harimau Malaya
D	Hutan dipterokarpa	Gajah *Pygmy*

4. Pernyataan yang manakah menerangkan tentang akar ceracak?
I Masuk ke dalam lumpur
II Berfungsi untuk pernafasan
III Kekurangan oksigen kerana ditenggelami air masin
IV Menyerap udara ketika air pasang
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

5. Apakah jenis tumbuh-tumbuhan semula jadi yang terdapat di kawasan Tasik Chini?
A Hutan Pantai
B Hutan Hujan Tropika
C Hutan Paya Air Masin
D Hutan Paya Air Tawar

6. Maklumat berikut merujuk kepada sejenis tumbuh-tumbuhan semula jadi di Malaysia.

- Berdaun lebar
- Berakar banir
- Malar hijau

Apakah tumbuh-tumbuhan semula jadi yang mempunyai ciri-ciri tersebut?
A Hutan Pantai
B Hutan Hujan Tropika
C Hutan Paya Air Tawar
D Hutan Paya Air Masin

7. Mengapakah tumbuh-tumbuhan semula jadi di Malaysia tumbuh subur dan malar hijau?
I Min suhu tahunan tinggi, 27°C
II Hujan tahunan kira-kira 2 600 mm
III Satu musim lembap yang nyata
IV Kelembapan udara yang rendah
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

8. Peta berikut menunjukkan taburan taman negara di Malaysia.



MALAYSIA

Namakan taman negara yang terdapat di **P**.
A Taman Negara Bako
B Taman Negara Pulau Penyu
C Taman Negara Gunung Mulu
D Taman Negara Endau-Rompin

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

9. Antara berikut, yang manakah lokasi Hutan Paya Air Tawar yang terdapat di Malaysia?

I Tasik Bera
II Delta Rajang
III Teluk Lahad Datu
IV Pulau Phi Phi

(A) I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

10. Pernyataan berikut berkaitan dengan salah satu pusat konservasi hidupan liar di Malaysia.

> Memulihkan orang utan yang menjadi haiwan peliharaan dan mengembalikannya kepada habitat semula jadi apabila masanya sesuai.

Pernyataan tersebut merujuk kepada

A Pusat Konservasi Hidupan Liar Sungkai
(B) Pusat Pemulihan Orang Utan Sepilok
C Pusat Konservasi Lembangan Maliau
D Tempat Perlindungan Hidupan Liar Kinabatangan

11. Apakah jenis tanih yang mempengaruhi tumbuh-tumbuhan semula jadi di kawasan Gurun Panas?

A Tanih podzol
B Tanih latosol
(C) Tanih aridisols
D Tanih chernozem

12. Tanih latosol mempengaruhi pertumbuhan

A Hutan Tundra
B Hutan Konifer
(C) Hutan Hujan Tropika
D Hutan Mediterranean

13. Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis tumbuh-tumbuhan semula jadi.

- 1 800 m – 2 900 m
- Pokok pain, sprus dan gelam gunung

Apakah tumbuh-tumbuhan semula jadi tersebut?

A Tumbuhan alpain
B Tumbuhan hampir alpain
C Hutan montane bawah
(D) Hutan montane atas

14. Apakah ciri utama tumbuh-tumbuhan di Hutan Hujan Tropika?

I Malar hijau
II Empat lapisan
III Daun berduri
IV Akar pneumatofor

(A) I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

15. Apakah ciri tumbuh-tumbuhan yang terdapat di lapisan renjong Hutan Hujan Tropika?

A Lapisan pelindung cahaya matahari
B Diliputi oleh daun kering dan dahan reput
C Ketinggian pokok antara 10 hingga 20 meter
(D) Batang lurus dan tinggi untuk mendapatkan cahaya matahari

16. Bagaimanakah pertanian boleh mengancam hidupan liar?

A Berlaku banjir
B Kurang proses sejat peluh
C Pencemaran tanih berlaku
(D) Kawasan hutan diteroka dan digantikan dengan tanaman

17. Apakah hidupan liar yang dikaitkan dengan pusat konservasi yang terdapat di Kuala Gandah?

A Tapir
(B) Gajah
C Tenggiling
D Badak Sumatera

18. Apakah faktor yang mempengaruhi kerajaan mengambil langkah untuk melindungi hidupan liar?

A Aktiviti perdagangan hidupan liar semakin penting
(B) Mengelakkan hidupan liar diancam kepupusan
C Permintaan bagi hidupan liar meningkat
D Menggalakkan pendidikan hidupan liar

19. Pernyataan berikut berkaitan dengan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan hidupan liar di Malaysia.

> Kawasan hutan diwartakan untuk tujuan perhutanan, sebarang aktiviti penebangan dan pemburuan dilarang kerana dilindungi di bawah Akta Perhutanan Negara, 1984 (Akta 313).

Kawasan yang merujuk kepada pernyataan tersebut ialah

I Ladang Hutan Kompensatori Kemasul
II Hutan Simpan Kekal UKM
III Hutan Simpan Bukit Nanas
IV Ladang Hutan Bukit Tinggi

A I dan II
B I dan IV
(C) II dan III
D III dan IV

20. Maklumat berikut merupakan agensi yang berkaitan dengan hidupan liar.

- PERHILITAN
- Jabatan Perikanan Malaysia
- *Malay Tapir Conservation Centre*

Apakah persamaan peranan antara agensi-agensi tersebut?

A Mengeluarkan lesen memburu haiwan
(B) Menjalankan penyelidikan tentang hidupan liar
C Menganjurkan kempen tentang pentingnya hidupan liar
D Menguatkuasakan undang-undang berkaitan hidupan liar

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Ujian Akhir Sesi Akademik

UASA

Masa: Dua jam

SKOR /80

Bahagian A
[20 *markah*]
Jawab **semua** *soalan.*

1. Maklumat berikut merupakan ciri iklim di suatu kawasan.

- Hujan tahunan: 1 000 mm – 2 000 mm
- Suhu tahunan: 24°C – 27°C

Apakah spesies tumbuh-tumbuhan semula jadi yang sesuai hidup di kawasan tersebut?

A Pain merah
B Pokok *ghaf*
C Pokok *maple*
D Pokok mahogani

2. Antara berikut, spesies tumbuh-tumbuhan semula jadi yang manakah tumbuh di kawasan bertanih terra rossa?

I *Lavender*
II *Rosemary*
III *Switchgrass*
IV *Buffalo grass*

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

3. Peta berikut menunjukkan taburan tumbuh-tumbuhan semula jadi di Malaysia.



MALAYSIA

Apakah jenis tumbuh-tumbuhan semula jadi di kawasan berlorek?

A Hutan Gunung
B Hutan Hujan Tropika
C Hutan Paya Air Masin
D Hutan Paya Air Tawar

4. Apakah spesies tumbuh-tumbuhan semula jadi yang terdapat di hutan montane atas?

A Rumput *red sanicle*
B Bunga rafflesia
C Pokok *laurel*
D Pokok *oak*

5. Kombinasi yang manakah betul tentang jenis hutan dan contoh tumbuhan semula jadi di Malaysia?

	Jenis hutan	Contoh tumbuhan
A	Hutan Hujan Tropika	Pokok bakau
B	Hutan Paya Air Masin	Pokok cengal
C	Hutan Paya Air Tawar	Periuk kera
D	Hutan Pantai	Tapak kuda

6. Foto berikut menunjukkan salah satu organisma dalam aras trofik.



Apakah kategori organisma tersebut?

A Pengguna primer
B Pengguna sekunder
C Pengguna tertier
D Pengeluar

7. Mengapakah WWF Malaysia mengelolakan Kempen *Save The Day*?

A Mengurangkan pembebasan gas rumah hijau
B Menyelamatkan penyu dan harimau
C Mengurangkan penggunaan plastik
D Mengitar semula bahan buangan

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

P+ JSU UASA EKSTRA

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.